

29/08/1999

Fungsi wanita mencabar

BANYAK sudah diperkatakan mengenai tanggungjawab dan fungsi wanita dalam sesebuah masyarakat. Menjelang alaf baru, tugas wanita bertambah mencabar dan terus meningkat.

Andaian wanita tidak bekerja tidak mempunyai tanggungjawab berat sebagaimana perlu dipikul wanita bekerjaya tetap seharusnya dikikis kerana wanita tidak bekerja juga mempunyai tanggungjawab luas membina rumah tangga.

Secara keseluruhan, sama ada wanita itu bekerja mahupun tidak, mereka mempunyai tanggungjawab berat menguruskan suami, mendidik anak, pembina rumah tangga, memikul tugas di pejabat dan mengekalkan keharmonian rumah tangga.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Dr Raj Karim, berkata wanita tidak boleh lari atau memencilkan diri daripada hakikat sebenar kemajuan dikecapi negara dalam setiap aspek.

Beliau berkata, kemajuan negara juga menjadikan tanggungjawab dan fungsi wanita semakin mencabar dan lebih berat sama ada bagi yang tidak bekerja mahupun bekerjaya tetap.

Menurutnya, bagi yang tidak bekerja, tanggungjawab mereka lebih menjurus kepada pendidikan dan membimbing anak selain menguruskan keperluan suami dan rumah tangga.

"Kita jangan pandang ringan tugas wanita tidak bekerja kerana tanggungjawab mereka juga bertambah berikutan perkembangan pesat negara dalam pelbagai aspek.

"Suri rumah sepenuh masa perlu melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan ilmu untuk memastikan mereka tidak ketinggalan ditelan arus kemodenan sains teknologi.

"Bagi saya menjaga anak pada masa sekarang adalah satu cabaran besar dan berat kerana golongan ibu perlu mendedahkan diri dengan perkembangan persekitaran," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Dr Raj berkata, wanita bekerja pula terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah, terutama di tempat kerja dan gejala sosial yang semakin berleluasa.

Beliau berkata, wanita bekerja juga patut mendapat bantuan dan sokongan suami, terutama dalam hal mendidik dan membimbing anak-anak.

"Suami tidak seharusnya menyerahkan urusan mendidik anak kepada isteri semata-mata kerana mereka juga sepatutnya membantu isteri yang penat bekerja untuk meringankan bebanan yang dipikul," katanya.

Menurutnya, menjelang tahun 2020, cabaran wanita juga semakin hebat kerana jumlah warga tua akan turut meningkat dan ini sudah tentu memerlukan pengorbanan golongan itu, terutama dari segi penjagaan.

"Lazimnya, wanita lebih cenderung menjaga ibu bapa mereka apabila keduanya sudah tua. Ini sekali gus menjadikan tanggungjawab mereka lebih mencabar kerana mereka perlu banyak bersabar," katanya.

Justeru, katanya, melangkah ke alaf baru ibarat melangkah ke dunia serba baru kerana wanita perlu berani berdepan dengan pelbagai cabaran dan ini menuntut wanita terbabit supaya melengkapkan diri dengan bermacam pengetahuan.

Menurutnya, dalam menuju alaf baru juga, wanita jangan mudah berasa puas hati dengan apa yang diperolehi tetapi mereka seharusnya terus berusaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran diri.

Beliau turut memuji saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad, yang mahu rakyat membentuk peribadi Melayu dan Malaysia Baru supaya berani menghadapi cabaran dan mampu melakukan sesuatu yang boleh mengagumkan dunia dan diri sendiri.

Dr Raj berkata, sebahagian besar individu mengidamkan ciri-ciri unggul seperti berani, bijak, bersikap ingin tahu, kreatif, rajin, penyabar, penyayang, menghormati orang lain dan jujur.

Bagaimanapun, katanya, tidak semua orang berpeluang memiliki ciri-ciri unggul diidamkan itu kerana ia perlu disemai sejak kecil.

"Dalam menjalani kehidupan, kita tidak harus memikirkan diri sendiri saja. Kita juga perlu prihatin dan bersikap pengasih kepada orang lain, terutama mereka yang kurang bernasib baik.

"Dalam hal ini, wanita sekali lagi mempunyai tugas penting untuk melahirkan individu berciri unggul. Dengan sifat semula jadi wanita yang lemah lembut, bersifat keibuan dan penyayang, mereka mampu membantu melahirkan generasi seumpama itu," katanya.

(END)